

# MIC ikrar sokong padu kepimpinan Abdullah

UM 10 NOV 2003

SHAH ALAM 9 Nov. — Para pemimpin MIC dari semua peringkat hari ini berikrar memberi sokongan tidak berbelah-bagi kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN).

Ikrar itu dilafazkan oleh lebih 8,000 pemimpin dan anggota MIC sebagai menyokong usul merakamkan sokongan padu kepada Abdullah yang diluluskan pada Konvensyen Kebangsaan Pengerusi-Pengerusi Cawangan MIC di sini.

Dalam usul yang dibentangkan oleh Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam, parti itu menaruh keyakinan bahawa kepimpinan Abdullah akan terus membawa Malaysia ke mercu kecermerlangan di bidang ekonomi, sosial dan arena antarabangsa.

MIC juga penuh yakin yang Abdullah mampu memacu kemajuan dan pemodenan negara bagi mencapai Wawasan 2020.

Dalam hubungan ini, parti itu berikrar untuk berkerjasama memastikan perpaduan rakyat berbilang kaum sentiasa terpelihara.

Pada masa yang sama, MIC memberi komitmen untuk menggerakkan jentera parti sepenuhnya bagi menjamin kemenangan besar BN pada pilihan raya umum ke-11 yang akan datang.

Konvensyen MIC itu turut merakamkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di atas jasa dan sumbangan beliau kepada negara khususnya dalam pembangunan masyarakat India.